

UMS bolot 10 pingat daripada BioMalaysia

KOTA KINABALU:Universiti Malaysia Sabah (UMS) membolot 10 pingat (dua emas, dua perak dan enam gangsa) di BioMalaysia 2010 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 1 hingga 3 Nov.

Timbalan Naib Kanselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Rosnah Ismail yang menyelia semua kerja-kerja penyelidikan dan inovasi di UMS berkata satu daripada pingat emas dimenangi oleh Profesor Madya Dr Suhaimi Md Yasir di atas hasil kerjanya bagi "Development of Mini Estate System in Seaweed Cultivation".

Pingat emas lagi satu dimenangi Profesor Madya Dr Vijay Kumar bagi inovasinya dalam "Estimation of Genome Size Using Real-Time PCR", katanya.

Beliau berkata pingat perak diperolehi daripada bahagian pertanian, perhutanan dan makanan dengan inovasi bertajuk "Development of Veggie Noodle from Sabah Tropical Seaweeds" oleh Dr Patricia Matanjun dan

"EucheRichTM - An Optimized Eucheema spp. Culturing Media" oleh Wilson Yong Thau Lym.

Pingat gangsa pula dianugerahkan kepada Profesor Madya Dr Chye Fook Yee (BioNovus: A Novel Natural Bio-Preservative to Ensure Food Remain Safe and Unspoiled), Kenneth Rodrigues (SEEDPRINT: A PCR Based Method for the Identification of Commercial Seeds), Ag Ahmad Md Yunus (Mengkuang Composite), Profesor Madya Dr Charles Vairappan (Essence of Curry Leaf: Healthy Salad Dressing), Hartinie Marbawie (Development of Labisa Microkit: Medium Formulation for In Vitro Culture of Kacip Fatimah), dan Dr Liew Kang Chiang (Kenaf Core as Filler in Road).

Di BioMalaysia 2010, UMS bersaing dengan lebih 100 peserta tempatan dan antarabangsa termasuk syarikat bionexus companies, syarikat berkaitan bioteknologi antarabangsa, syarikat modal teroka, institusi penyelidikan, universiti dan badan serta agensi kerajaan.